

**Pembangking Dibidas Kerana Mendakwa Umno Ketandusan Isu
Bernama
4 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Umno tidak ketandusan isu apabila mengkritik pembangking semasa Perhimpunan Agung Umno 2012 minggu lepas kerana perhimpunan tahunan itu merupakan medan anggota parti mendapat penjelasan terhadap apa jua isu yang diputarbelitkan pembangking.

Ketua Pemuda Umno Bandar Tun Razak Datuk Rizalman Mokhtar berkata perhimpunan parti merupakan platform untuk pemimpin memberi penjelasan dan orang ramai berhak mendengar sendiri maklumat sebenar.

Membidas dakwaan pembangking bahawa Umno ketandusan isu apabila membidas pembangking semasa perhimpunan parti minggu lepas, beliau berkata pembangking, setiap hari menyerang Umno dan Barisan Nasional (BN) menerusi ceramah dengan memfitnah Umno di mana-mana sahaja.

"Perhimpunan parti adalah platform untuk rakyat mendapatkan penjelasan yang sebenarnya. Apa yang difitnah pembangking selama ini tidak benar dan sebab itu rakyat perlu tahu apakah pembohongan pembangking ini. Tidak berbangkit soal Umno ketandusan isu," katanya ketika dihubungi Bernama Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=713939>